



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**TERMA RUJUKAN
PROGRAM PENYELIDIKAN
TRANSLASIONAL 2023**

ISI KANDUNGAN
TERMA RUJUKAN PROGRAM PENYELIDIKAN
TRANSLASIONAL 2023

1. LATAR BELAKANG
2. BAHAGIAN 1 - PENGENALAN
3. BAHAGIAN 2 - PENAWARAN PROGRAM
4. BAHAGIAN 3 - PENILAIAN PROGRAM
5. BAHAGIAN 4 - PEMANTAUAN PROGRAM
6. BAHAGIAN 5 - PERATURAN KEWANGAN
7. BAHAGIAN 6 - KEPUTUSAN

1. LATAR BELAKANG

- (i) Menerusi Inisiatif Belanjawan 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengemukakan permohonan tambahan peruntukan bagi pelaksanaan Program Penyelidikan Translasiional 2023.
- (ii) Ucapan Belanjawan Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari 2023 mencadangkan peruntukan tambahan sebanyak RM 50juta kepada KPT bagi menjalankan R&D berbentuk translasiional yang lebih memberi manfaat kepada penyelesaian isu komuniti dan industri.
- (iii) Susulan itu, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan KPT untuk mendapatkan peruntukan Program Penyelidikan Translasiional 2023 di bawah peruntukan B11 pada 24 Mac 2023.
- (iv) Bidang-bidang kritikal yang perlu diberi keutamaan telah dinyatakan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi menerusi Majlis Perasmian Bengkel *Technical Working Group (TWG) Higher Education* Di Bawah *Inter-Agency Planning Group (IAPG) Human Capital*

Development Bagi Bab 10, Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025 pada 22 Februari 2023 adalah melibatkan disiplin sains kritikal seperti '*pathogen and emerging diseases*', '*climate disruption*', '*food security*', '*national inequality*', kecerdikan buatan, sumber tenaga alternatif dan beberapa lagi bidang penyelidikan yang boleh memacu Malaysia mencari jawapan kepada segala permasalahan nasional.

2. BAHAGIAN 1 - PENGENALAN

(i) **Penyelidikan Translasional**

Penyelidikan Translasional didefinisikan sebagai program atau projek pembangunan berasaskan penyelidikan fundamental yang berpotensi untuk diterjemahkan untuk faedah kerajaan, industri, akademik dan komuniti.

Perkara-perkara asas yang perlu diberikan perhatian ialah:

- (a) Projek ini perlu berteraskan penyelidikan fundamental (asas) yang telah **menghasilkan ilmu baharu** dan kekuatan institusi;
- (b) **Melibatkan jaringan kerjasama** antara universiti dan pihak berkepentingan (kumpulan sasaran); dan
- (c) Penyelidikan untuk menyelesaikan tadbir urus, perubahan set minda warga, pembangunan insan, perniagaan baharu, ekonomi luar bandar dan kesejahteraan masyarakat.

- (ii) Skop Penyelidikan Translasional 2023 perlu:
 - (a) Menyokong Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang menumpukan kepada penambahbaikan dan kecekapan perniagaan;
 - (b) Bersifat koperasi atau konsortium yang menyokong komuniti serta menumpukan manfaat ekonomi dan kesejahteraan sosial;
 - (c) Melibatkan agensi Kerajaan dan akademia yang merangkumi pembangunan, perancangan atau pelan strategik; dan
 - (d) Bersifat *multi* atau *inter discipline*.

- (iii) Objektif
 - (a) Menghasilkan **penyelesaian yang komprehensif** terhadap isu-isu semasa negara melalui inovasi sosial;

- (b) Menghasilkan **output dan *outcome* yang telah diterjemahkan** dan **memberikan manfaat** kepada negara; dan
- (c) Membantu meningkatkan **taraf sosio-ekonomi** dan **kesejahteraan masyarakat.**

3. BAHAGIAN 2 – PENAWARAN PROGRAM

- (i) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengenalpasti bidang fokus bagi Program Penyelidikan Translasional 2023 seperti berikut:
 - (a) Sains Kesihatan;
 - (b) Keterjaminan Makanan;
 - (c) Teknologi Watan;
 - (d) TVET Termaju;
 - (e) Kesejahteraan Sosial;
 - (f) Malaysia MADANI;
 - (g) Kelestarian Wilayah; dan
 - (h) Kelestarian Tenaga.

- (ii) Universiti peneraju dan rakan institusi yang terdiri daripada Universiti Awam (UA) dan *Government Linked Universities* (GLU) bagi setiap bidang fokus adalah seperti berikut:

Bidang Fokus	Universiti Peneraju
Sains Kesihatan	Universiti Malaya
Keterjaminan Makanan	Universiti Putra Malaysia
Teknologi Watan	Universiti Teknologi Malaysia
TVET Termaju	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Kesejahteraan Sosial	Universiti Sains Malaysia
Malaysia MADANI	Universiti Kebangsaan Malaysia
Kelestarian Wilayah	Universiti Malaysia Sabah
Kelestarian Tenaga	Universiti Tenaga Nasional

- (iii) Universiti Peneraju (Ketua bidang fokus) perlu mematuhi terma rujukan Peneraju yang telah ditetapkan dan memastikan semua projek memenuhi aspirasi program (bidang fokus) serta mempunyai *output* dan *outcome* yang menyokong inovasi sosial. Peneraju digalakkan memantau pencapaian outcome dan impak projek secara berterusan.
- (iv) Projek boleh diketuai oleh Rakan Institusi dan pasukan penyelidik digalakkan merentasi institusi.
- (v) **Tempoh penyelidikan** maksimum adalah selama tiga (3) tahun.

(vi) **Siling Peruntukan**

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang ditetapkan bagi setiap Universiti Peneraju iaitu sebanyak RM6.25 juta (berpadanan dengan skop penyelidikan yang akan dilaksanakan). Penetapan siling peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT.

(vii) **Hasil Penyelidikan**

Hasil penyelidikan meliputi dua (2) komponen utama iaitu :

- (a) *Output* (laporan teknikal, penerbitan bersifat gunaan dan bukti jaringan kerjasama, modal insan, produk inovasi, harta intelek, libat urus, townhall dan komuniti)
- (b) *Outcome* (perubahan sikap, peningkatan ekonomi, pembinaan keupayaan, perubahan atau penggubalan dasar/strategi/garis panduan, peningkatan kualiti, kemahiran, penghakupayaan).

4. BAHAGIAN 3 – PENILAIAN

- (i) Penilaian program oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam terma rujukan.
- (ii) Penilaian permohonan adalah berdasarkan skop yang ditetapkan iaitu penyelidikan hendaklah menghasilkan **output** dan **outcome berimpak tinggi** dan memanfaatkan pihak berkepentingan seperti **kerajaan, komuniti, industri** dan **akademia**.
- (iii) Laporan projek penyelidikan perlu dibentangkan untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian di peringkat JPT, **mengikut bidang fokus penyelidikan**. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- (iv) Proses penilaian kertas cadangan adalah seperti di **Lampiran 1**.

5. BAHAGIAN 4 - PEMANTAUAN

(i) Pelaksanaan Penyelidikan

Projek penyelidikan mestilah dilaksanakan bermula daripada tarikh yang ditetapkan oleh JPT. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) yang telah diluluskan. IPT dan penyelidik perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam terma rujukan ini serta lain-lain ketetapan daripada JPT.

IPT dan penyelidik juga perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) mematuhi terma rujukan dan tadbir urus yang telah ditetapkan.

(ii) Pemantauan Projek

Pemantauan projek penyelidikan perlu mematuhi kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek terbahagi kepada dua (2) iaitu :

- (a) Pemantauan oleh Peneraju
- (b) Pemantauan oleh JPT

Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Pemantauan prestasi & kewangan ke atas semua projek akan dilaksanakan oleh Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI) setiap 12 bulan dari tarikh mula projek.

Pemantauan Tidak Berjadual

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan oleh JPT seperti berikut:

- (a) Lawatan tapak dan pengauditan; dan
- (b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditetapkan oleh JPT.

JPT juga berhak memanggil pihak IPT untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian (seperti pembentangan).

(iii) **Laporan Prestasi dan Projek**

Penghantaran laporan prestasi dan perbelanjaan adalah pada setiap 12 bulan.

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Laporan Teknikal secara progresif dimulakan dengan Laporan Interim, Laporan Kemajuan dan Laporan Akhir;
- (b) Laporan Prestasi Projek dan Kewangan (menggunakan templat yang disediakan);
- (c) Hasil Penyelidikan (*output* dan *outcome*); dan
- (d) Penyata Kewangan yang disahkan oleh Bendahari IPT.

(iv) **Penyerahan Laporan Program**

- (a) Ketua Peneraju perlu menghantar laporan akhir yang merangkumi ringkasan dan sintesis daripada keseluruhan projek selepas 3 bulan mendapat maklum balas projek
- (b) Laporan ini hendaklah diserahkan dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut.

6. BAHAGIAN 5 – PERATURAN KEWANGAN

Kod Perbelanjaan

Peruntukan Program Penyelidikan Translational 2023 adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

- (i) **Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)**
 - a) Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant - GRA*) dengan siling peruntukan tidak melebihi RM2,000/bulan untuk pelajar Sarjana atau RM2,500/bulan untuk pelajar Ijazah Kedoktoran; atau
 - b) Elaun bagi Pembantu Penyelidik (*Research Assistant – RA*) yang bukan berstatus pelajar mestilah tidak melebihi siling peruntukan RM1,500/bulan dalam tempoh penyelidikan (sekiranya output bakat yang ditetapkan adalah RA).

(ii) Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- a) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik dan antarabangsa yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- b) Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan untuk aktiviti yang melibatkan kerja lapangan sahaja; dan
- c) Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

(iii) Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Namun, sewaan ruang pejabat, komputer dan perabot tidak dibenarkan.

(iv) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

(v) **Vot 28000 – Penyelenggaraan**

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan tersebut tidak akan ditanggung lagi oleh geran penyelidikan ini.

(vi) **Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

- a) Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

- b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

(vii) Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

- a) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan Malaysia; dan

- b) Jumlah yang dipohon bagi vot ini mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

Penggunaan Peruntukan tertakluk kepada keperluan asas projek dan kelulusan jawatankuasa.

Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

7. BAHAGIAN 6 – KEPUTUSAN

Pemberitahuan keputusan dan pengagihan peruntukan

- (i) Surat kelulusan projek penyelidikan akan dimaklumkan kepada Naib Canselor IPT dan disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), IPT.
- (ii) Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada Bendahari IPT setelah surat kelulusan projek dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.
- (iii) Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

Dokumen dan ikatan perjanjian

- (i) Dokumen perjanjian
 - a) Dokumen perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dan IPT bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah

ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.

- b) Pihak IPT hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak IPT.
- c) Dua (2) salinan asal dokumen perjanjian mestilah dikemukakan kepada JPT.

(ii) Ikatan perjanjian

- a) Ikatan perjanjian adalah perjanjian yang ditandatangani antara IPT dan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
- b) Pihak IPT hendaklah memastikan ikatan perjanjian disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh JPT. Namun begitu, pihak IPT dibenarkan untuk membuat penambahan syarat dan terma bersesuaian dengan keperluan IPT tanpa meninggalkan sebarang maklumat asas yang telah ditetapkan JPT.

- c) Satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani mestilah dikemukakan kepada JPT.


Disediakan oleh:

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT

Jabatan Pendidikan Tinggi

Julai 2023

LAMPIRAN 1



**Carta Alir Pelaksanaan Program Penyelidikan
Translasional 2023**